

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



**PANDUAN PENGGUNAAN KEMUDAHAN FASILITI
PROGRAM KESIHATAN AWAM KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAGI LATIHAN LAPANGAN INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM DAN
SWASTA**

PROGRAM KESIHATAN AWAM

EDISI PERTAMA (MEI 2010)

**Perutusan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia**



Sekalung penghargaan kepada urusetia penggunaan fasiliti untuk latihan lapangan, Program Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan Malaysia yang telah berjaya menghasilkan garis panduan penggunaan fasiliti yang komprehensif untuk kegunaan semua peringkat termasuk Ibupejabat, Pejabat Kesihatan, Makmal Kesihatan, Klinik Kesihatan dan juga pihak Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta.

Program Kesihatan Awam akur dengan keperluan latihan lapangan oleh pelatih-pelatih kesihatan untuk melahirkan tenaga kerja yang kompeten di masa akan datang. Walaubagaimanapun disebabkan oleh pertumbuhan Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta yang pesat sejak kebelakangan ini, fasiliti kesihatan telah menerima ramai pelajar yang sedikit sebanyak boleh mengganggu kelancaran aktiviti penyampaian perkhidmatan terutama di Klinik Kesihatan.

Program Kesihatan Awam akan berusaha untuk menyediakan prasarana pembelajaran yang kondusif untuk latihan lapangan pelajar-pelajar samada dari Institut Pengajian Awam atau Swasta tanpa mengganggu aktiviti penyampaian perkhidmatan kesihatan yang merupakan tugas utama di Kementerian Kesihatan Malaysia.

Untuk tujuan tersebut, pihak Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, Penjawat Awam di Kementerian Kesihatan Malaysia terutama yang berkhidmat di Program Kesihatan Awam dan pelajar-pelajar yang akan ditempatkan di fasiliti kesihatan diharap agar dapat menggunakan dan mematuhi garis panduan ini. Ia adalah untuk memastikan satu sistem yang sistematik didalam pengurusan penggunaan fasiliti untuk tujuan latihan lapangan demi untuk kepentingan bersama dan mencapai objektif didalam penyediaan prasarana pembelajaran yang kondusif tanpa mengganggu perkhidmatan sedia ada.

Sekian, terima kasih.


Dato' Dr Hasan Bin Abdul Rahman
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

**PANDUAN PENGGUNAAN KEMUDAHAN FASILITI
PROGRAM KESIHATAN AWAM KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAGI LATIHAN LAPANGAN INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM DAN
SWASTA**

KANDUNGAN	MUKASURAT
1. Tujuan	4
2. Pendahuluan	4
3. Objektif	5
4. Skop	5
5. Terminologi	6
6. Rujukan	7
7. Tatacara Permohonan Dan Kelulusan Penggunaan Fasiliti Kesihatan	8
8. Peraturan Untuk IPTS/IPTA	11
9. Peranan Dan Tanggungjawab Fasiliti Kesihatan	13
10. Peraturan Yang Perlu Dipatuhi Oleh Pelatih	14
11. Tatacara Perawatan Pusat Latihan Lapangan	15
12. Carta Alir Prosedur	16
13. Borang Penilaian Fasiliti Kesihatan Untuk Tujuan Pengiktifaran Pusat Latihan	19
14. Senarai Semak Permohonan Penggunaan Fasiliti	21
15. Borang Penilaian	22
16. Contoh <i>Database</i> Penggunaan Fasiliti	28

**PANDUAN PENGGUNAAN KEMUDAHAN FASILITI
PROGRAM KESIHATAN AWAM, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAGI LATIHAN LAPANGAN INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM DAN
SWASTA**

1. TUJUAN

Tujuan garis panduan ini ialah untuk dijadikan rujukan oleh Program Kesihatan Awam di peringkat Ibu Pejabat, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk tujuan kelulusan permohonan penggunaan fasiliti.

Ia juga digunapakai oleh Jabatan Kesihatan Negeri, Pejabat Kesihatan Daerah serta fasiliti-fasiliti di Program Kesihatan Awam lain termasuk Klinik Kesihatan dan Makmal-Makmal Kesihatan Awam didalam pemantauan dan penyelarasan latihan lapangan oleh IPTA dan IPTS.

Garis panduan ini juga sebagai rujukan oleh IPTA dan IPTS semasa membuat permohonan latihan lapangan dan penempatan pelajar.

2. PENDAHULUAN

Sejak kebelakangan ini selaras dengan perkembangan bidang perubatan dan kesihatan, terdapat banyak IPTA dan IPTS yang menyediakan program-program mengikut keperluan bidang tersebut di peringkat Diploma, Ijazah dan Sarjana yang merangkumi Sains Permakanan, Teknologi Makanan, Diploma Kejururawatan, Ijazah Perubatan, Sarjana Perubatan Keluarga, Sarjana Perubatan Kesihatan Awam dan lain-lain.

Susulan daripada perkembangan tersebut, KKM telah menerima banyak permohonan dari IPTA dan IPTS bagi menempatkan pelajar-pelajar mereka untuk menjalani latihan lapangan sama ada di peringkat Ibu Pejabat KKM (Kesihatan Awam), Jabatan Kesihatan Negeri, Pejabat Kesihatan Daerah dan Klinik Kesihatan.

Latihan lapangan yang komprehensif dan teratur amat diperlukan bagi melahirkan tenaga kerja yang kompeten. Seajar dengan objektif tersebut, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha untuk menyediakan prasarana pembelajaran yang kondusif bagi memenuhi keperluan latihan lapangan.

Buat masa kini, agihan pelatih di fasliti-fasiliti kesihatan adalah tidak seimbang. Tumpuan kepada fasiliti-fasiliti kesihatan yang tertentu bukan sahaja mengganggu kelancaran latihan lapangan pelatih, malah menjejaskan aktiviti-aktiviti di fasiliti berkenaan. Terdapat juga IPTA dan IPTS yang tidak menandatangani sebarang memorandum persefahaman (MoA) dan memorandum perjanjian (MoU) dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Satu garis panduan yang komprehensif diperlukan sebagai panduan penggunaan kemudahan fasiliti Program Kesihatan Awam. Penyelarasan yang

sistematik dan kemas perlu diwujudkan bagi memastikan objektif latihan lapangan dapat di penuhi.

3. **OBJEKTIF**

3.1. **Objektif Umum**

Memastikan satu sistem yang sistematik untuk menguruskan dan memantau penggunaan kemudahan fasiliti KKM tanpa mengganggu perkhidmatan sedia ada di fasiliti tersebut serta sebagai panduan kepada IPTA/IPTS didalam pengurusan penempatan pelajar di fasiliti KKM

3.2. **Objektif Khusus**

3.2.1. Untuk penyelarasan permohonan latihan lapangan pelatih IPTA dan IPTS di setiap peringkat fasiliti kesihatan KKM.

3.2.2. Untuk memastikan keseragaman proses permohonan latihan lapangan pelatih IPTA dan IPTS di fasiliti kesihatan KKM.

3.2.3. Untuk memastikan proses pembelajaran yang sistematik dan berkualiti dalam jangkamasa yang di tetapkan tanpa mengganggu perkhidmatan sedia ada.

4. **SKOP**

Garis panduan ini meliputi penggunaan fasiliti kesihatan Program Kesihatan Awam di peringkat Ibu Pejabat KKM, Jabatan Kesihatan Negeri, Pejabat Kesihatan Daerah , Klinik Kesihatan dan Makmal Kesihatan Awam serta fasiliti lain oleh IPTA dan IPTS.

5. **TERMINOLOGI**

5.1 **Fasiliti Kesihatan Yang Diwartakan**

Fasiliti yang memenuhi kriteria dan diperakukan sebagai tempat latihan oleh Jawatankuasa Penggunaan Fasiliti, Program Kesihatan Awam

5.2 **IPTA**

Institut Pengajian Awam meliputi Universiti, Institut, Kolej termasuk Institusi latihan KKM yang telah diperakui oleh Kementerian Pengajian Tinggi

5.3 **IPTS**

Institut Pengajian swasta termasuk Universiti, Institut, Kolej kelolaan pihak swasta yang telah diperakui oleh Kementerian Pengajian Tinggi

5.4 **Pelatih**

Pelajar-pelajar bidang perubatan atau bukan perubatan yang menuntut di IPTA/IPTS (dalam dan luar negara) yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia yang memohon ditempatkan di Fasiliti KKM untuk tujuan latihan lapangan

5.5 Penempatan Latihan Lapangan

Penempatan pelajar di fasiliti tertentu untuk mendapatkan pendedahan secara terus (*hands-on experince*)

5.6 Jawatankuasa Penggunaan Fasiliti (JKPF)

Jawatankuasa induk di peringkat Kementerian yang mengurus, memantau dan meluluskan penggunaan Fasiliti termasuk:

5.6.1 Jawatankuasa Penggunaan Fasiliti Untuk Latih amal Pelajar Program Jururawat dan Sains Kesihatan Bersekutu IPTA/IPTS

5.6.2 Jawatankuasa Penggunaan Fasiliti Untuk Latih amal Pelajar Program Perubatan

5.7 Sekretariat Penggunaan Fasiliti Kesihatan (KA)

Jawatankuasa yang akan mengurus, memantau dan memperakukan permohonan penggunaan fasiliti di peringkat Program Kesihatan Awam

5.8 Jawatankuasa Bersama Penggunaan Fasiliti Kesihatan Peringkat Negeri

Jawatankuasa yang mengurus, memantau penggunaan fasiliti di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri.

5.8 Latihan Klinikal

Latihan yang telah dirangka dan ditetapkan oleh kurikulum pembelajaran IPTA/IPTS

5.9 Latihan Industri

Latihan wajib yang disyaratkan oleh IPTA/IPTS untuk tujuan melengkapkan pengajian.

5.10 Latihan Elektif

Latihan yang dipohon secara individu oleh pelajar-pelajar atas sokongan IPTA/IPTS

6. RUJUKAN

- 6.1 Garis panduan pengukuhan penggunaan fasiliti untuk tujuan latih amal IPTA/IPTS: Bhg Perkembangan Perubatan 2007
- 6.2 Pekeliling KPK Bil 16/2008: garis panduan melaksanakan posting elektif oleh pelajar perubatan di fasiliti KKM.
- 6.3 Perintah Am dan Arahan Pentadbiran terkini
- 6.4 Pekeliling Perkhidmatan Bil 2/2005
- 6.5 Pekeliling Perkhidmatan Bil 6/2005
- 6.6 Code Profesional conduct
- 6.7 Medical Act 1971
- 6.8 Arahan Keselamatan Jabatan
- 6.9 Akta Rahsia Rasmi
- 6.10 Panduan penggunaan KK untuk latih amal pelatih kejururawatan KKM dan IPTA/IPTS/KOLEJ SWASTA 2008

7. **TATACARA PERMOHONAN DAN KELULUSAN PENGGUNAAN FASILITI KESIHATAN, PROGRAM KESIHATAN AWAM DI PERINGKAT IBU PEJABAT KKM, JABATAN KESIHATAN NEGERI, PEJABAT KESIHATAN DAERAH DAN KLINIK KESIHATAN OLEH IPTA DAN IPTS.**

Semua IPTA/IPTS perlu menandatangani MoA/MoU sebelum dibenarkan menjalani latihan lapangan di Fasiliti Kesihatan. Ketetapan ini termasuk latihan lapangan untuk tujuan penempatan, latihan klinikal dan latihan Industri.

*****Hanya latihan elektif yang tidak memerlukan MoA/MoU.**

7.1 Tatacara Kelulusan MoA MoU(Baru/ Tambahan)

7.1.1 Sekretariat penggunaan fasiliti di peringkat Program Kesihatan Awam menerima permohonan penggunaan fasiliti daripada Bahagian Perkembangan Perubatan, Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, Lembaga Jururawat, Lembaga Penolong Pegawai Perubatan, Bahagian Perkhidmatan Farmasi, IPTA dan IPTS

7.1.2 Sekretariat menyemak sama ada permohonan tersebut lengkap atau tidak. Permohonan yang lengkap perlu mempunyai dokumen-dokumen seperti berikut:

- 7.1.2.1 Pengenalan IPTA/IPTS
- 7.1.2.2 Kelulusan untuk menjalankan program daripada *Malaysian Qualification Agency (MQA)*
- 7.1.2.3 Sesalinan modul pembelajaran
- 7.1.2.4 Status bilangan pelajar terkini dan unjuran untuk lima (5) tahun
- 7.1.2.5 Bilangan dan senarai penyelia lapangan

Sekiranya dokumen tidak lengkap, permohonan dikembalikan kepada IPTA/IPTS

7.1.3 Sekretariat menyemak, mencadangkan dan mendapatkan pengesahan kesesuaian penggunaan fasiliti daripada JKN berdasarkan status terkini penggunaan fasiliti Program Kesihatan Awam . Sekiranya fasiliti yang dipohon tidak bersesuaian, sekretariat akan mencadangkan fasiliti alternatif kepada pemohon.

7.1.4 Sekretariat akan menyediakan kertas cadangan kepada TKPK(KA) untuk persetujuan.

7.1.4.1 Jika permohonan ditolak,JKPF akan dimaklum.

Atau

7.1.4.2 Jika TKPK(KA) tidak bersetuju, proses 7.1.3 akan diulang sehingga mendapat persetujuan.

7.1.5 Sekiranya TKPK(KA) bersetuju, sekretariat akan menyediakan maklumbalas ke JKPF untuk penyediaan memorandum. Keputusan persetujuan ini akan dimaklumkan kepada Negeri dan Bahagian yang terlibat termasuk IPTA/IPTS

7.1.6 Sekretariat akan mendapatkan sesalinan MoA dan MoU dari JKPF sebagai rujukan dan seterusnya mengemaskini *database* sedia ada.

7.2 Tatacara Permohonan Penempatan Pelatih (Latihan Klinikal)

7.2.1 Fasiliti menerima permohonan dari IPTA/IPTS untuk penempatan pelajar sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum penempatan dijalankan.

7.2.2 Fasiliti menyemak status MoU/MoA. Sekiranya belum ditandatangani, fasiliti perlu menolak permohonan tersebut dan mengarahkan IPTA/IPTS untuk memohon MoA/MoU terlebih dahulu. Sesalinan surat penolakan perlu dihantar ke JKN dan Sekretariat di Program Kesihatan Awam

7.2.3 Sekiranya IPTA/IPTS telah mempunyai MoU/MoA, Fasiliti tersebut perlu menyemak status kesediaan fasiliti menerima pelajar. Ia merangkumi:

7.2.3.1 Keadaan semasa fasiliti

7.2.3.2 Status penggunaan oleh IPTA/IPTS lain; dan

7.2.3.3 Isu-isu terkini

7.2.4 Sekiranya fasiliti bersedia menerima pelajar, semak status penyelia lapangan. Sekiranya penyelia lapangan tidak mencukupi atau tidak disediakan, fasiliti berhak untuk menolak penempatan pelajar.

7.2.5 Sekiranya fasiliti bersedia sepenuhnya menerima pelajar, fasiliti perlu memberikan surat persetujuan dengan memberikan sesalihan persetujuan tersebut kepada JKN/ Sekretariat di peringkat Program Kesihatan Awam.

7.2.6 Semua fasiliti perlu mengemaskini database penggunaan fasiliti oleh IPTA/IPTS dari semasa ke semasa dan mengemukakan laporan ke Jabatan Kesihatan Negeri setiap tiga (3) bulan dan seterusnya JKN akan mengemukakan laporan ini ke sekretariat bagi setiap tiga (3) bulan.

7.3 Tatacara Permohonan Penempatan Pelatih (Elektif)

7.3.1 Fasiliti menerima permohonan penempatan dari pelajar selewat-lewatnya tiga (3) bulan sebelum penempatan.

7.3.2 Fasiliti menyemak status permohonan tersebut berdasarkan perkara-berikut:

- 7.3.2.1 Surat rasmi sokongan dari IPTA/IPTS
- 7.3.2.2 Memastikan IPTA/IPTS berdaftar dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia
- 7.3.2.3 Kesesuaian kursus dan fasiliti
- 7.3.2.4 Penempatan tidak melebihi enam minggu

7.3.3 Fasiliti berhak menolak permohonan demi kepentingan perkhidmatan.

7.3.4 Sekiranya fasiliti bersedia sepenuhnya menerima pelajar, fasiliti perlu memberikan surat persetujuan dengan memberikan sesalinan persetujuan tersebut kepada JKN dan Sekretariat di peringkat Program Kesihatan Awam.

7.3.5 Semua fasiliti perlu mengemaskini database penggunaan fasiliti dari semasa ke semasa dan mengemukakan laporan ke Jabatan Kesihatan Negeri setiap tiga (3) bulan dan seterusnya JKN akan mengemukakan laporan ini ke sekretariat bagi setiap tiga (3) bulan.

8.0 PERATURAN IPTA/IPTS/PELAJAR UNTUK MENGGUNAKAN KEMUDAHAN FASILITI IBU PEJABAT KKM/JKN/PKD , KKM , BAGI TUJUAN LATIHAN LAPANGAN

8.1 Latihan Klinik/Industri

- 8.1.1 Pemohon perlu mempunyai MoA/MoU sebelum menghantar pelatih ke lapangan.
- 8.1.2 Pemohon perlu mendapat persetujuan dan kebenaran dari Jabatan kesihatan Negeri dan fasiliti berkenanan untuk tujuan penempatan
- 8.1.3 Setiap IPTA/IPTS perlu menyediakan objektif latihan dan jadual penempatan kepada Jabatan Kesihatan Negeri, Pejabat Kesihatan Daerah dan Klinik Kesihatan yang terlibat selewat-lewatnya tiga (3) bulan sebelum penempatan dibuat.
- 8.1.4 IPTA/ IPTS perlu menyediakan penyelia lapangan sendiri sepanjang tempoh latihan amali di setiap fasiliti kecuali di peringkat sarjana dimana lantikan pensyarah *adjung* di kalangan anggota kesihatan di fasiliti kesihatan sebagai penyelia lapangan boleh dilakukan. Walaubagaimanapun lantikan tersebut adalah tertakluk persetujuan KKM .
- 8.1.5 Setiap penyelia lapangan daripada IPTA/IPTS perlu mempunyai kelulusan sesuai dengan bidang berkaitan.
- 8.1.6 Jumlah pelatih yang dihantar tidak boleh melebihi kuota yang ditetapkan oleh fasiliti.
- 8.1.7 IPTS/IPTS tidak dibenarkan membuat penambahan bilangan pelatih atau pertukaran tempat atau fasiliti latihan tanpa kebenaran daripada Kementerian Kesihatan/ Jabatan Kesihatan Negeri.
- 8.1.8 Setiap pelajar perlu mempunyai **medical insurance/indemnity**
- 8.1.9 Segala maklumat, data statistik, rekod perubatan dan lain-lain maklumat yang diperolehi semasa latihan lapangan adalah sulit dan tidak boleh digunakan untuk apa-apa tujuan kecuali pembelajaran.
- 8.1.10 IPTA/IPTS perlu memastikan peruntukan kewangannya mencukupi untuk menampung perbelanjaan aktiviti latihan lapangan.
- 8.1.11 **KKM TIDAK BERTANGGUNGJAWAB** keatas sebarang kemalangan/ kecederaan atau penyakit yang diperolehi oleh pelatih semasa tempoh latihan lapangan.
- 8.1.12 IPTA/IPTS digalakkan membantu menaik taraf fasiliti kesihatan sedia ada untuk menampung keperluan latihan lapangan dengan persetujuan Kementerian.
- 8.1.13 Segala urusan kebajikan pelatih adalah dibawah tanggungjawab institusi latihan masing-masing.

- 8.1.14 IPTA/IPTS tidak dibenarkan mempromosikan institusi mereka dalam sebarang bentuk pengiklanan di fasiliti kesihatan **TANPA** kebenaran dari KKM
- 8.1.15 IPTA/IPTS yang menjalankan latihan amal di fasiliti kesihatan perlu menghantar reten penggunaan fasiliti kepada sekretariat di KKM pada minggu ketiga bulan Januari setiap tahun
- 8.1.16 IPTA/IPTS perlu menjelaskan token bayaran kepada Bahagian Kewangan Kementerian sebelum **31 Mei setiap tahun**.

8.2 Latihan Elektif

- 8.2.1 Permohonan latihan perlu dihantar terus ke Fasiliti Kesihatan yang dikenalpasti selewat-lewatnya tiga (3) bulan sebelum penempatan.
- 8.2.2 Pemohon perlu mengemukakan surat sokongan daripada IPTA/IPTS
- 8.2.3 Jangka masa penempatan elektif bagi setiap posting adalah tidak melebihi 6 minggu.
- 8.2.4 Pemohon perlu menyediakan objektif latihan dan tarikh penempatan kepada fasiliti yang terlibat.
- 8.2.5 Pemohon bertanggungjawab menyediakan kemudahan dan keperluan latihan lapangan merangkumi kenderaan, penginapan, peralatan IT dan lain-lain .
- 8.2.6 Segala maklumat, data statistik, rekod perubatan dan lain-lain maklumat yang diperolehi semasa latihan lapangan adalah sulit dan hanya untuk tujuan pembelajaran.
- 8.2.7 Setiap pelajar perlu mempunyai **medical insurance/indemnity**
- 8.2.8 **KKM TIDAK BERTANGGUNGJAWAB** ke atas sebarang kemalangan/ kecederaan atau penyakit yang diperolehi oleh pelatih semasa tempoh latihan lapangan.
- 8.2.9 Segala urusan kebajikan adalah dibawah tanggungjawab masing-masing.
- 8.2.10 Pelatih tidak dibenarkan mempromosikan institusi mereka dalam sebarang bentuk pengiklanan di fasiliti kesihatan **TANPA** kebenaran dari KKM

9.0 PERANAN TANGGUNGJAWAB FASILITI KESIHATAN

- 9.1** Menetapkan bilangan pelatih yang boleh menjalani latihan lapangan pada satu-satu masa bagi mengelakkan pertindihan jadual dan kesesakan di fasiliti.
- 9.2** Fasiliti berkenaan perlu menyediakan buku daftar maklumat pelatih
- 9.3** Fasiliti tidak bertanggungjawab keatas kerosakan dan kehilangan peralatan peribadi atau peralatan yang dibekalkan oleh pihak institusi latihan bagi kemudahan latihan.
- 9.4** Sekiranya didapati pelatih berkelakuan yang boleh mencemarkan maruah atau nama baik jabatan , Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kerajaan Malaysia, fasiliti bertanggungjawab melaporkan dan menanggung sesi latihan lapangan pelatih berkenaan, jika perlu.
- 9.5** Fasiliti perlu menyediakan dan mengemaskini database penggunaan fasiliti untuk latihan lapangan dan menghantar laporan ke Jabatan Kesihatan Negeri setiap tiga (3) bulan.
- 9.6** Jumlah IPTA/IPTS pada satu masa tidak lebih dari dua (2) buah IPTS/IPTA untuk mengelakkan terlalu ramai pelajar.
- 9.7** Bilangan pelajar pada setiap penyelia lapangan bergantung kepada kursus yang diikuti seperti berikut:
 - 9.7.1** Sijil/Diploma bilangan penyelia lapangan kepada pelajar secara maksimum adalah padar kadar 1:8
 - 9.7.2** Ijazah pertama, kadar ditetapkan pada 1:4; dan
 - 9.7.3** Ijazah lanjutan, kadar ditetapkan pada 1:2.

10.0 PERATURAN YANG PERLU DIPATUHI OLEH PELATIH SEMASA MEMBUAT LATIHAN LAPANGAN

- 10.1 Pelatih perlu membawa surat penempatan untuk lapor diri dan Sijil Amalan Tahunan (bagi pelatih pasca siswazah atau *post basic*) yang disahkan kepada Ketua fasiliti atau organisasi.
- 10.2 Pelatih perlu sentiasa memakai kad pengenalan diri atau kad matriks sepanjang tempoh latihan di fasiliti KKM.
- 10.3 Pelatih mestilah mematuhi semua peraturan-peraturan semasa yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Fasiliti yang berkaitan.
- 10.4 Pelatih dikehendaki mengamalkan etika profesion yang telah ditetapkan sepanjang tempoh latihan.
- 10.5 Setiap pelatih/pelajar warga asing diwajibkan mematuhi semua undang-undang termaktub dalam Negara Malaysia
- 10.6 Pelatih yang menjalani penempatan elektif **TIDAK** dibenarkan sama sekali mengendali, menyasat dan merawat mana-mana pesakit.
- 10.7 Semua aktiviti latihan adalah untuk tujuan latihan sahaja. Pelatih juga **TIDAK** dibayar sebarang imbuhan sepanjang penempatan.
- 10.8 Penggunaan sebarang maklumat perubatan/kesihatan bagi apa-apa tujuan termasuk data pelanggan dan organisasi perlu mendapat kebenaran dari pihak yang berkaitan. Maklumat ini tidak boleh digunakan bagi maksud lain kecuali latihan.
- 10.9 Sebarang dokumen dan harta jabatan tidak boleh dikeluarkan dari fasiliti tanpa kebenaran ketua fasiliti.
- 10.10 Sebarang pertanyaan dan masalah berkaitan dengan latihan atau peribadi hendaklah merujuk kepada pensyarah atau pengajar institusi latihan masing-masing.
- 10.11 Segala latihan lapangan yang dilakukan oleh pelatih perlu dibawah seliaan penyelia lapangan yang dilantik.
- 10.12 Pelatih dari IPTS/IPTA sentiasa berpakaian seragam yang diwajibkan oleh institusi masing-masing.

11. TATACARA PEWARTAAN FASILITI SEBAGAI PUSAT LATIHAN LAPANGAN

11.1 Fasiliti perlu mengenalpasti kesesuaian fasiliti tersebut untuk dijadikan tempat latihan lapangan berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.


11.2 Jabatan Kesihatan Negeri perlu menilai kesesuaian fasiliti tersebut dan membuat keputusan seperti berikut:

- a. Kesesuaian fasiliti tersebut untuk dijadikan pusat latihan lapangan
- b. Bidang-bidang latihan yang boleh dijalankan di fasiliti tersebut
- c. Tahap program/Peringkat kursus pelatih yang boleh diterima oleh fasiliti tersebut
- d. Bilangan pelajar yang boleh diterima bagi setiap satu sesi berdasarkan peringkat kursus pelatih.

12. CARTA ALIR PROSEDUR

12.1 Permohonan dan Kelulusan Penggunaan Fasilitas


CARTA ALIR PERMOHONAN DAN KELULUSAN PENGGUNAAN FASILITI
(BARU DAN TAMBAHAN)



A: Maklumkan keputusan kepada JKPF dan salinan kepada pemohon.


12.2 Permohonan Penempatan (Latihan Klinik/ Industri)

CARTA ALIR PERMOHONAN PENEMPATAN PELAJAR DI FASILITI (LATIHAN KLINIKAL/INDUSTRI)



12.3 Permohonan Penempatan (Latihan Elektif)

CARTA ALIR PERMOHONAN PENEMPATAN PELAJAR DI FASILITI (LATIHAN TIDAK BERJADUAL/ELEKTIF)



13. BORANG PENILAIAN FASILITI KESIHATAN BAGI TUJUAN PENGIKTIFARAN PUSAT LATIHAN

BORANG PENILAIAN FASILITI KESIHATAN BAGI TUJUAN PENGIKTIFIRAN UNTUK LATIHAN

NAMA FASILITI _____
 DAERAH/BAHAGIAN _____
 NEGERI _____

		YA	TIDAK	Catitan
BAHAGIAN I: MAKLUMAT PENYELIA LAPANGAN				
1	Pakar Perubatan Kesihatan Awam Gred UD 48 dan keatas			
2	Pakar Perubatan Kesihatan Keluarga Gred UD 48 dan keatas			
3	Pegawai Gred 48 dan keatas (Nyatakan bidang)			
4	Pegawai Gred 32 dan keatas (Nyatakan Kategory)			
5	Pegawai yang berkelayakan/telah dilantik sebagai preseptor tempatan (nyatakan jawatan)			
BAHAGIAN II: MAKLUMAT PERKHIDMATAN ASAS				
Pengurusan	Perkhidmatan Anggota			
	Pengurusan Kewangan			
Kawalan Penyakit	Kawalan Penyakit Berjangkit			
	Kawalan Penyakit Bawaan Vektor			
	Keselamatan dan Kualiti Makanan			
	Kawalan Mutu Air Minuman			
	Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling			
	Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar			
	Kesihatan Antarabangsa (Pintu Masuk)			
	Perundangan dan Inspektorat			
Kesihatan Keluarga	Promosi Kesihatan			
	Perkhidmatan Kesihatan Ibu dan Anak			
	Perkhidmatan Pesakit Luar			
	Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar (Sabah/Swk)			
	Perkhidmatan Ambulans			
	Expanded Scope "Perluasan Skop"			
	Perkhidmatan Kesihatan Sekolah			
	Program Pemakanan			
	Perkhidmatan Perancang Keluarga			
	Perkhidmatan Perawatan Di Rumah			
Perkh. Sokongan	Perkhidmatan Kesihatan Mental			
	Farmasi			
	Pengimejan			
	Makmal Perubatan			
	Fisioterapi			
BAHAGIAN III: MAKLUMAT KEMUDAHAN ASAS				
Ruang untuk menempatkan pelatih				
Kemudahan penginapan bagi pelatih (bagi pelatih yang tiada kemudahan pengangkutan)				
Kemudahan untuk mendapatkan bekalan makanan				
Kemudahan prasarana				
	telefon			
	internet			
Kemudahan bilik mesyuarat				
Kemudahan Perpustakaan				
Kemudahan video-konferen				

ULASAN KETUA PUSAT TANGGUNG JAWAB

BILANGAN MAKSIMA PELATIH YANG BOLEH DITERIMA =

PERINGKAT KURSUS PELATIH - SIJIL/DIPLOMA/POST BASIK / IJAZAH PERTAMA / SARJANA / PhD

Tandatangan Ketua PTJ
Tarikh

Cop Rasmi

ULASAN SEKRETARIAT NEGERI
(Setelah melakukan lawatan penilaian)

Tandatangan
Tarikh

Cop Rasmi

KEPUTUSAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI

DIKTIRAF / TIDAK DIKTIRAF

Tandatangan
Tarikh

Cop Rasmi

**14. SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENGGUNAAN FASILITI KESIHATAN
UNTUK LATIHAN LAPANGAN YANG PERLU DIKEMUKAN OLEH IPTA / IPTS /
PELATIH**

Bil.	Pekara	Ada	Tiada
1.	Salinan Memorandum persetujuan (MOU)		
2.	Objektif pembelajaran		
3.	Senarai aktiviti latihan yang akan dijalankan dan perlu dicapai pada setiap penempatan		
4.	Garis Panduan penempatan penuntut/pelatih		
5.	Jadual Latihan		
6.	Bilangan pelatih setiap penempatan/senarai pelatih		
7.	Senarai pelatih setiap kumpulan (batch) dan tempoh penempatan		
8.	Peranan penyelia dan penyelaras (IPT)		
9.	Garis panduan penempatan		
10.	Peranan anggota fasiliti latihan		
11.	Senarai peralatan Latih amal yang disediakan oleh IPTA/IPTS		

15. PENILAIAN PENGGUNAAN KEMUDAHAN FASILITI

15.1 Borang Penilaian Kesesuaian Penggunaan Institusi Oleh Pelatih IPTA/IPTS

BORANG PENILAIAN KESESUAIAN FASILITI KESIHATAN UNTUK LATIHAN LAPANGAN OLEH PELATIH IPTA/ IPTS / KOLEJ / INSTITUSI

Program Latihan :

Nama IPTA/IPTS / Kolej / Institusi :

Tempoh masa latihan lapangan :

Nama fasiliti KKM :

Penyelia Lapangan :

Sila tandakan \checkmark di dalam ruangan yang berkaitan dan diserahkan kepada Ketua Jabatan diakhir sesi latihan lapangan.

PENILAIAN KESELURUHAN

	Sangat Sesuai	Sesuai	Sederhana	Tidak sesuai	Tidak Berkaitan
1. Keseluruhan Latihan Lapangan					
2. Kemudahan yang terdapat di fasiliti kesihatan					
a. Jumlah Penyelia Lapangan					
b. Kemudahan fizikal bagi pelatih semasa di fasiliti kesihatan					
c. Peluang pembelajaran bagi latihan lapangan					
d. Kesesuaian penempatan pelatih					
e. Tempoh latihan					

Cadangan/ Komen:

Tandatangan pelatih

Tarikh :

15.2 Borang Penilaian Oleh Penyelia Lapangan/ Ketua Jabatan Terhadap Kursus/IPTA/IPTS

BORANG PENILAIAN KESESUAIAN FASILITI KESIHATAN UNTUK LATIHAN LAPANGAN OLEH PENYELIA LAPANGAN FASILITI KESIHATAN TERHADAP LATIHAN LAPANGAN IPTA/ IPTS / KOLEJ / INSTITUSI

Program Latihan :.....

Nama IPTA/IPTS / Kolej / Institusi :.....

Tempoh masa latihan lapangan :

Nama fasiliti KKM :

Penyelia Lapangan :

Sila tandakan \checkmark di dalam ruangan yang berkaitan dan diserahkan kepada Ketua Jabatan diakhir sesi latihan lapangan.

PENILAIAN KESELURUHAN

	Sangat Sesuai	Sesuai	Sederhana	Tidak sesuai	Tidak Berkaitan
1.Keseluruhan program Latihan					
2. Kemudahan yang terdapat di fasiliti kesihatan					
a. Kesediaan (Availability) Pegawai Penyelia untuk mengajar					
b. Kemudahan fizikal bagi pelatih semasa di fasiliti kesihatan					
c. Peluang pembelajaran bagi latihan lapangan					
d. Kesesuaian penempatan pelatih					
e. Tempoh latihan					
f. Bilangan pelatih					
g.Bimbingan pengajar/ pensyarah					

Cadangan/ Komen:

Tandatangan

Tarikh :

